



قجاجة قربندهاران نكري كلنتن
PEJABAT PERBENDAHARAAN
NEGERI KELANTAN
Blok 4, Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu, Kelantan.

Pentadbiran Am : 09-7481957
Pegawai Kewangan Negeri : 09-7485348
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri : 09-7436429
Bendahari Negeri : 09-7483484
Penolong Pegawai Kewangan Negeri : 09-7441024
(Khidmat Pengurusan)
Fax No : 09-7487113
E-mail : treasury@kelantan.gov.my
Web site : www.pkn.kelantan.gov.my

Ruj. Kami: P.K.N. A 1/20-1/Jld.4 (10)
Tarikh : 15 Rabiulakhir 1435H
15 Februari 2014M

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 1 TAHUN 2014

Semua Pegawai Pengawal Jabatan Kerajaan Negeri,
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri,
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri,

PINDAAN KEPADA PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BILANGAN 1 TAHUN 2014 BERKENAAN DENGAN KELAYAKAN TIKET PENERBANGAN DOMESTIK

1. TUJUAN

1.1 Tujuan surat pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan pindaan kepada Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bilangan 1 Tahun 2014 (Pekeliling Perbendaharaan [Persekutuan] Bilangan 2 Tahun 2014) berkenaan dengan Kelayakan Tiket Penerbangan dan Perjalanan Ke Luar Negara (Penerbangan Domestik).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Perenggan 5.1 Pekeliling Perbendaharaan [Persekutuan] Bilangan 2 Tahun 2014 menjelaskan bahawa Kelayakan kelas tempat duduk penerbangan untuk perjalanan domestik bagi penjawat awam adalah sebagaimana berikut:

Penerbangan Domestik:

Gred	Kelas
JUSA/KHAS B dan Ke atas	Perniagaan
JUSA/KHAS C dan Ke bawah	Ekonomi

- 2.2 Setelah diteliti semula dari segi kemudahan kepada pegawai awam dalam melaksanakan urusan rasmi kerajaan, kerajaan telah bersetuju untuk meminda kelayakan penerbangan domestik bagi penjawat awam gred Jusa/ Khas C kepada kelayakan kelas Perniagaan.

3.0 PINDAAN

- 3.1 Pindaan ke atas perenggan 5.1 Perbendaharaan Negeri Bilangan 1 Tahun 2014 (Pekeliling Perbendaharaan [Persekutuan] Bilangan 2 Tahun 2014) hendaklah dibaca seperti berikut:

5.1 *Penerbangan Domestik*

Gred	Kelas
<i>JUSA/KHAS C dan Ke atas</i>	<i>Perniagaan</i>
<i>Gred 54 dan ke bawah</i>	<i>Ekonomi</i>


4.0 TARIKH KUATKUASA

- 4.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa **dengan serta merta** dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“ISLAM DIHAYATI, RAJA DITAATI, RAKYAT DINAUNGI”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI NIK KAZIM BIN HAJI NIK YUSOFF, D.P.S.K)

Pegawai Kewangan Negeri

Kelantan

Ruj. Kami: P.K.N. A 1/20-1/Jld.4 (10)

Tarikh : 15 Rabiulakhir 1435H Bersamaan 15 Februari 2014M

Salinan kepada:

Yang Amat Berhormat Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan

Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Yang Amat Berusaha Pengarah Audit Negeri Kelantan

Yang Berusaha Bendahari Negeri Kelantan